

**Kerajaan Taja 600 Pelajar Ikuti Pengajian Perubatan, Pergigian Dan Farmasi Di IPTS
Bernama
31 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan bersetuju menaja 600 pelajar aliran sains meneruskan pengajian dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Katanya mereka merupakan pelajar yang gagal mendapat tempat untuk meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi sesi akademik 2012/2013.

Mohamed Khaled berkata kesemuanya adalah pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Asasi yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 dan memilih tiga bidang pengajian itu sebagai pilihan utama di IPTA, tetapi gagal mendapat tempat.

Katanya mereka terdiri daripada 310 pelajar Melayu, 260 pelajar Cina, 21 pelajar India dan sembilan pelajar lain-lain kaum.

"Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju menawarkan mereka tempat dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di IPTS yang terpilih dengan dibiayai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Mereka perlu menyatakan persetujuan atas tawaran yang diberikan," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama warga kementerian itu di sini. Katanya, kesemua 600 para pelajar itu akan dihubungi oleh JPA sebelum 15 Ogos ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684623>

